



**TEKS UCAPAN**  
**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PROGRAM**  
**TEKS UCAPAN ALUAN**  
**SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK KEBANGSAAN 2024**

**LOKASI / TARikh / MASA**  
**DEWAN TUN RAZAK 4, PUSAT DAGANGAN DUNIA (WTC)**  
**24 NOVEMBER 2024 (RABU)**  
**10.30 PAGI**

*Kemas kini 22 November 2024*

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

## **(A) PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan rahmatNya, kita dapat bersama-sama pada pagi ini sempena Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan Tahun 2024.
  
2. Saya amat mengalu-alukan kehadiran YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail pada hari ini bagi sama-sama meraikan kanak-kanak dalam majlis sambutan yang penuh

kemeriahannya ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kesudian YABhg. Dato' Seri bersama-sama kita pada hari ini. Kehadiran YABhg. Dato' Seri adalah manifestasi sokongan yang tidak berbelah bahagi terhadap agenda memperkasakan hak dan kesejahteraan kanak-kanak di negara kita.

YABhg. Dato' Seri dan para hadirin yang dihormati sekalian,

## **TEMA HARI KANAK-KANAK SEDUNIA**

3. Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan ini adalah platform penting untuk meraikan kanak-kanak sebagai aset negara yang paling bernilai. Matlamat utama sambutan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan melindungi, mendidik, dan mengasuh anak-anak kita dalam suasana yang penuh kasih sayang dan selamat.
4. Tema Hari Kanak-Kanak di peringkat antarabangsa pada tahun ini adalah “*Listen To The Future*”. Manakala tema yang

kita pilih untuk sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan pula ialah “Dengarlah Suara Kami”. Tema ini menggambarkan harapan kanak-kanak agar suara mereka didengari dalam sebarang perancangan dan dasar yang dilaksanakan di dalam negara ini. Kanak-kanak hari ini adalah pewaris dunia pada masa depan, jadi suara mereka wajar didengari oleh orang dewasa. Mereka adalah aset penting negara dan berhak untuk dihargai. Oleh itu, ruang dialog harus diwujudkan supaya suara mereka bukan sahaja didengari, tetapi juga diambil kira dalam membuat keputusan yang akan mempengaruhi masa depan mereka.

5. Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan Tahun 2024 memberi tumpuan utama dalam meningkatkan potensi dan kesejahteraan kanak-kanak, menggalakkan kemampuan advokasi bagi kanak-kanak, mengadakan perhubungan dan kerjasama antara agensi serta mengadaptasikan isu-isu dan cabaran perlindungan serta sosial kanak-kanak dalam pembangunan negara.

6. Objektif sambutan Hari Kanak-Kanak pada tahun ini adalah:
  - 6.1 Memberi penghormatan dan pengiktirafan daripada pihak Kerajaan dan masyarakat kepada kanak-kanak dengan meraikan hak kanak-kanak selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak;
  - 6.2 Menggalakkan penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti sihat dan bermanfaat serta memainkan peranan dalam membantu Kerajaan menangani isu-isu semasa negara;

- 6.3 Memberi rangsangan kepada kanak-kanak untuk memperkasa modal insan yang mampan dengan kapasiti yang menyeluruh; dan
- 6.4 Memperkaya bakat dan idea serta memperkuuh nilai jati diri dalam kalangan kanak-kanak.

### **AKTIVITI SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK KEBANGSAAN 2024**

7. Suka saya ingin memaklumkan bahawa pada hari ini terdapat sekitar 600 orang kanak-kanak di dalam dewan ini.

Mereka datang dari seluruh negara termasuk daripada institusi kanak-kanak JKM, Pusat Aktiviti Kanak-Kanak dan sekolah.

8. Sambutan pada hari ini merupakan satu program yang memberi pengiktirafan kepada kanak-kanak. Terdapat tujuh (7) anugerah yang akan disampaikan kepada kanak-kanak yang bertuah dan telah memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat secara umumnya. Selain itu, terdapat juga pengiktirafan kepada 15 syarikat yang telah

melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) semasa berlaku situasi Operasi Global baru-baru ini.

9. Pada hari ini, kanak-kanak yang hadir dari seluruh negara akan diraikan sebaiknya. Terdapat beberapa aktiviti berbentuk interaktif yang disediakan khususnya berkaitan teknologi AI yang saya yakin akan memikat hati kanak-kanak di dewan ini. Saya harap semuanya akan mengambil peluang untuk mencuba semua aktiviti yang disediakan serta menggembirakan diri sendiri dan kawan-kawan.

YABhg. Dato' Seri dan para hadirin yang dihormati sekalian,

## **PRINSIP HAK KANAK-KANAK DALAM DASAR KERAJAAN**

10. Hari ini, kita mengambil peluang untuk mengukuhkan komitmen kepada Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC), sebuah dokumen antarabangsa yang telah menjadi panduan utama dalam dasar-dasar kerajaan Malaysia. CRC mengiktiraf hak asas setiap kanak-kanak, tanpa diskriminasi, termasuk hak untuk hidup, perlindungan, perkembangan, dan penyertaan.

11. Sejak Malaysia meratifikasi Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) pada 1995, negara telah membuat banyak kemajuan dalam melindungi hak kanak-kanak. Salah satunya adalah pelaksanaan Akta Kanak-Kanak 2001, yang kini sedang diperbaiki untuk memastikan perlindungan undang-undang yang lebih baik. Perlindungan kanak-kanak daripada penderaan, pengabaian, dan eksloitasi menjadi keutamaan. Namun, statistik menunjukkan bahawa kes penderaan kanak-kanak masih tinggi. Oleh itu, peranan

masyarakat dalam melaporkan kes dan menyokong tindakan pihak berkuasa amat penting, tanpa hanya menunggu penguatkuasaan daripada pihak berkuasa.

## **PELANCARAN DASAR KANAK-KANAK NEGARA**

12. Hari ini merupakan detik bersejarah apabila kita melancarkan Dasar Kanak-Kanak Negara yang baharu. Ia merupakan suatu langkah strategik dalam memastikan hak dan kesejahteraan kanak-kanak di Malaysia terus terpelihara. Dasar ini menitikberatkan pembangunan holistik, termasuk

pendidikan, perlindungan, dan kesihatan, bagi memastikan setiap kanak-kanak mencapai potensi sepenuhnya.

13. Objektif dasar ini adalah:

- i. Menambah baik peluang kanak-kanak untuk meneruskan kelangsungan hidup secara sihat dan selamat melalui perkhidmatan kesihatan, sokongan dan bantuan sosial;
- ii. Memperkuuh aspek perlindungan kanak-kanak daripada sebarang bentuk keganasan, eksplotasi, penderaan,

- pengabaian termasuklah pemerdagangan orang dan seterusnya diberi rehabilitasi dan diintegrasikan ke dalam keluarga dan masyarakat;
- iii. Memastikan semua kanak-kanak berkembang maju dari segi fizikal, kognitif, bahasa, sosio-emosi, sahsiah dan kerohanian supaya mereka mencapai potensi yang optimum; dan
- iv. Meningkatkan peluang kanak-kanak mengikut tahap keupayaan bagi penyertaan yang bermakna dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan terbaik dan kesejahteraan mereka.

14. Saya menyeru semua pihak, sama ada kerajaan, masyarakat, atau sektor swasta, untuk bersama-sama merealisasikan visi ini. Masa depan negara bergantung kepada bagaimana kita menjaga dan membentuk generasi muda hari ini.

**YABhg. Dato' Seri dan para hadirin yang dihormati sekalian,**

### **PERLINDUNGAN KANAK-KANAK SEBAGAI KEUTAMAAN**

15. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat

(JKM), telah melaksanakan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak di lebih 300 sekolah di seluruh negara. Program ini, yang dijalankan dengan kerjasama agensi seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), bertujuan untuk mencegah penderaan kanak-kanak dengan memberikan pendedahan kepada pelajar, terutama di kawasan berisiko tinggi.

16. Bagi tahun 2023, sebanyak 2,095 program pencegahan, perlindungan, advokasi dan pengintegrasian semula telah dilaksanakan oleh Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK) yang melibatkan penyertaan seramai 64,417 orang kanak-kanak di Malaysia. Pada tahun 2024, Projek Pemerksaan diperluas ke semua 137 buah Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK). Projek ini memfokuskan kepada pemerksaan serta pemantapan peranan PKKK dalam menyedia, menyelaras dan mengawal selia perkara berkaitan

pengurusan pentadbiran, pengurusan program dan pengurusan kewangan.

17. Oleh itu, dengan komitmen Malaysia yang telah meratifikasi instrumen antarabangsa iaitu Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) pada 17 Februari 1995, kerajaan mempunyai obligasi untuk mematuhi prinsip dan peruntukan sebagaimana termaktub dalam Konvensyen ini yang memberi tumpuan terhadap kebijakan dan kehidupan kanak-kanak. Ia menjurus kepada aspek kelangsungan

hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan selain keseluruhan kandungan CRC yang meliputi 54 perkara.

18. Sambutan Hari Kanak-Kanak diharapkan dapat menjadi saluran untuk menggalakkan kerjasama komuniti dan komitmen masyarakat dalam merancang program pembangunan kanak-kanak. Ia juga diharap dapat mengeratkan hubungan antara generasi muda dan tua serta mempertingkatkan rasa kasih sayang dan saling hormat-menghormati. Selain itu, harapan saya kepada ibu bapa,

pendidik, dan semua yang hadir agar terus menyemai nilai-nilai positif dan menjadi teladan kepada generasi muda, dengan bertanggungjawab membentuk mereka menjadi pemimpin masa depan yang berintegriti, berdaya saing, dan prihatin.

## **PENUTUP**

19. Akhirnya, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail kerana sudi meluangkan masa bersama-sama kita

dalam merai dan merasmikan Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan 2024.

20. Tidak lupa juga ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada agensi-agensi kerajaan, pertubuhan sukarela kebajikan, pertubuhan bukan kerajaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung menjayakan Majlis Sambutan Hari Kanak-Kanak pada hari ini. Juga ucapan tahniah dan terima kasih kepada Jawatankuasa Induk iaitu Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak yang telah bertungkus lumus

menganjurkan sambutan ini. Tidak lupa juga kepada semua kanak-kanak yang diraikan dan hadirin sekalian yang turut serta menjayakan aktiviti-aktiviti yang diadakan sempena sambutan pada kali ini.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**

**27 November 2024**